

Waspada dengan gelombang kedua

KUALA TERENGGANU – Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Negeri me-ningatkan golongan petani di negeri ini supaya lebih berwaspada terhadap sinario banjir kali kedua yang dijangka berlaku penghujung bulan ini.

Pegawai Hal Ehwal Korporat LLP Negeri, Mohamed A. Rahman berkata, kejadian banjir dan ribut yang berlaku di Kuala Terengganu sebelum ini tidak menjejaskan tanaman petani sebaliknya atap rumah penduduk diterbangkan angin di Kampung Telaga Mengkudu, Alor Limbat dan beberapa kawasan lain.

Bagaimanapun, katanya, bantuan daripada pihak yang berkaitan sudah pun disalurkan kepada mangsa terutamanya daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

“Hanya satu kejadian yang direkodkan melibatkan penternak ayam di Serada Banggol di mana reban milik pengusaha musnah akibat diterbangkan ribut, namun tidak mengalami sebarang kerugian besar kerana hasil ternakan berjaya dituai sebelum ribut melanda.

“Justeru kita menasihatkan petani di setiap kawasan supaya mengambil langkah berjagajaga dengan gelombang banjir kali kedua yang dijangka bermula 20 hingga 30 bulan ini dan mengingatkan peladang serta petani supaya memastikan pengeluaran hasil dilakukan lebih awal iaitu sebelum akhir bulan ini,” katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Sementara itu, Mohamed berkata, jika banjir datang lebih awal bantuan segera akan disalurkan kepada mereka yang terlibat melalui agensi berkaitan.